

21/02/2004

Aziz dipelawa tanding

KUALA LUMPUR: Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata, dua ketua Umno bahagian di Perak dan satu dari Selangor mempelawanya bertanding di kawasan berkenaan pada pilihan raya umum akan datang.

Abdul Aziz yang juga Timbalan Menteri Pendidikan dan Ketua Penaja Umno Bahagian Gopeng bagaimanapun enggan menamakan ketua Umno dan bahagian itu, sebaliknya berkata, mereka mempelawa beliau bertanding di kawasan Parlimen.

"Saya hormati pelawaan mereka. Bagaimanapun, saya serahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukannya.

"Tetapi sudah tentu bukan di Gopeng kerana ia adalah kerusi untuk parti komponen Barisan Nasional (BN) iaitu MCA," katanya kepada pemberita selepas menutup Program Mekar 2003 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan beliau bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Mengenai peluang BN, beliau yakin BN akan meraih kemenangan lebih besar berbanding pilihan raya umum lalu.

"Malah, saya gembira melihat peralihan pucuk pimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berlaku dengan licin. Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat," katanya.